

## **PERANAN INSTITUSI DAN AKTIVITI KEUSAHAWANAN DALAM PENINGKATAN EKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI**

Nor Azira Ayob  
*norazira@uitm.edu.my*

Mohd Amar Aziz  
*amaraziz@uitm.edu.my*

Noor Hadzlida Ayob  
*hadzlida@uitm.edu.my*

Nurul Nadia Abu Hassan  
*nadia3095@uitm.edu.my*

*Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi  
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Raub Pahang*

### **ABSTRAK**

Teori institusi merupakan teori yang menjelaskan kegiatan institusi-institusi yang terlibat secara langsung dalam proses perancangan, pembuatan, pelaksanaan, penguatkuasaan dan juga penilaian. Institusi-institusi (agensi kerajaan) mempunyai kuasa yang sah bagi melaksanakan dasar yang telah diluluskan oleh pihak kerajaan. Menerusi peranan institusi, kerajaan berupaya menyalurkan dasar yang digubal sampai kepada semua lapisan masyarakat. Lantaran itu, institusi merupakan penghubung di antara kerajaan dan rakyat (dalam kajian ini kepada golongan usahawan orang asli) dan merupakan faktor luaran yang membantu meningkatkan prestasi usahawan. Kerajaan menggunakan institusi untuk melaksanakan hasrat kerajaan, manakala rakyat pula menggunakan institusi untuk mencapai dan mendapatkan kehendak mereka. Justeru peranan institusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) adalah sangat penting bagi membangunkan aktiviti keusahawanan dan seterusnya meningkatkan prestasi usahawan dalam kalangan orang asli menjadi lebih baik dan cemerlang. Keadaan ini seterusnya akan memastikan golongan ini lebih berdikari dan berdaya saing serta membantu dalam ekonomi dan meringankan kos sara hidup keluarga. Objektif kajian ini adalah untuk melihat apakah program yang diperkenalkan oleh institusi JAKOA bagi membantu golongan ini dan untuk melihat apakah faktor yang mempengaruhi kejayaan mereka dalam menjalankan aktiviti keusahawanan. Kajian ini berbentuk kualitatif yang mana temubual dilakukan terhadap informan yang terdiri daripada pegawai terlibat dan juga responden (orang asli) sendiri. Hasil dapatan kajian menunjukkan program seperti pembinaan premis perniagaan atau ruang niaga, bantuan dan bimbingan, kursus dan latihan keusahawanan, promosi dan pembangunan koperasi oleh pihak institusi kepada mereka merupakan program dan penentu kepada kejayaan usahawan orang asli dalam aktiviti keusahawanan. Justeru, adalah penting peranan institusi dalam membantu meningkatkan prestasi dan kejayaan usahawan orang asli.

Pihak kerajaan perlu melihat dari akar umbi apakah yang diperlukan oleh pengusaha orang asli dan memperkenalkan program yang relevan.

***Kata Kunci:*** *Institusi, Keusahawanan, Orang Asli, Kejayaan*

## **PENGENALAN**

Masyarakat Orang Asli merupakan kaum minoriti penduduk Malaysia. Mengikut bancian yang dikeluarkan oleh JAKOA, bilangan Orang Asli ialah 141,230 orang. Kedudukan Sosioekonomi sebahagian besar masyarakat Orang Asli masih tertinggal dalam pelbagai bidang, berbanding dengan kaum-kaum lain di Malaysia. Dari segi taburan penempatan masyarakat Orang Asli 36.9% di kawasan pedalaman, 62.4% di kawasan pinggir dan 0.7% di kawasan bandar (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2019). Ketertinggalan masyarakat orang asli ini dalam aktiviti keusahawanan jauh berbanding kaum lain. Justeru, pelbagai dasar dan program dirangka oleh kerajaan dengan bantuan institusi bagi meningkatkan keterlibatan mereka dalam aktiviti keusahawanan dan seterusnya mencapai kejayaan yang baik dalam perusahaan. Usaha kerajaan dan meningkatkan keterlibatan masyarakat orang asli dalam bidang keusahawanan merupakan satu pendekatan yang baharu dalam merubah nasib serta ekonomi komuniti mereka dan sekaligus dapat mengurangkan jurang pendapatan dan dapat merubah masa depan keluarga dan masyarakat. Pihak kerajaan dengan bantuan institusi terlibat telah menyediakan pelbagai peluang dan bantuan kepada masyarakat orang asli untuk terlibat dalam bidang keusahawanan. Dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11), pihak kerajaan telah member tumpuan bagi pembangunan modal insan orang asli terutamanya dalam aspek keusahawanan dengan pelbagai bantuan dan program dilaksanakan antaranya pemberian geran, penubuhan koperasi orang asli, bantuan peralatan dan fasiliti, bantuan pemasaran dan promosi, bimbingan keusahawanan dan latihan bagi meningkatkan penglibatan dan kejayaan usahawan orang asli. Program-program dan bantuan ini adalah penting untuk memastikan golongan pengusaha orang asli ini mampu berdikari dan berdaya saing dengan usahawan lain dan akhirnya dapat menjana pendapatan sendiri tanpa bantuan pihak kerajaan pada masa akan datang.

## **KAJIAN LITERATUR**

Setiap hasrat kerajaan dilaksanakan melalui peranan institusi dan rakyat akan dapat merasai hasil tindakan kerajaan melalui peranan yang dimainkan oleh institusi tersebut. Berdasarkan kepada prestasi institusi, rakyat akan dapat menilai kesungguhan politik pihak kerajaan dalam melaksanakan hasrat mereka untuk membantu serta menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat. Bagi menjadikan sesebuah institusi kerajaan itu dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih cekap dan berkesan, aspek penting seperti penggunaan teknologi yang terkini, struktur dan penyusunan institusi, hirarki birokrasi serta pengurusan kos transaksi dan hak kepemilikan adalah diperlukan bagi membuktikan lagi kesungguhan kerajaan dalam mencapai kehendak rakyat dan menyelesaikan konflik yang berlaku.

Dari sudut rakyat pula, institusi merupakan tempat bagi rakyat menyatakan hasrat serta kehendak mereka. Keberkesanan institusi dalam mencapai kepelbagaian kehendak rakyat mampu untuk meningkatkan lagi kepercayaan rakyat sekaligus meningkatkan kualiti hidup mereka. Kebolehan institusi dalam memenuhi kepelbagaian kehendak, secara umumnya dilihat

berdasarkan kepada keperluan dan kehendak dalam masyarakat. Antaranya adalah keperluan usahawan orang asli yang lebih memerlukan premis perniagaan atau ruang niaga, bantuan dan bimbingan, kursus dan latihan keusahawanan, promosi dan pembangunan koperasi oleh pihak institusi disediakan kepada mereka. Justeru, penting bagi institusi untuk melihat apakah faktor atau program yang diperlukan oleh rakyat (usahawan orang asli) bagi menjadikan peranan institusi menjadi lebih berkesan dan mampu untuk meningkatkan lagi kepercayaan rakyat terhadap kerajaan.

Dalam kajian ini, teori institusi dilihat dari sudut pandangan Chang yang melihat peranan institusi ke arah pembangunan ekonomi. Chang (2007; 2001) melihat institusi adalah berperanan dan merupakan penentu utama kepada prestasi ekonomi dan kejayaan pengusaha. Institusi berperanan sebagai saluran kepada pembangunan ekonomi di mana dengan adanya institusi, ia mampu meningkatkan kekayaan dan prestasi ekonomi menjadi lebih baik. Selain itu, keuntungan dapat ditingkatkan dengan peranan yang dimainkan oleh institusi berkenaan. Selain itu, penubuhan sesebuah institusi mempunyai objektif yang telah ditetapkan dalam membantu pembangunan ekonomi dan semakin baik sesebuah institusi itu dalam menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan, maka pembangunan ekonomi akan lebih menjadi lebih baik dan masyarakat akan menjadi lebih berdaya saing.

Selain itu, bagi memenuhi objektif pembangunan ekonomi, institusi adalah berperanan dalam memberi peluang pendidikan dan latihan, pelaburan dalam infrastruktur, perindustrian atau pemberian bantuan kewangan dan bukan kewangan yang secara tidak langsung merangsang kepada pembangunan ekonomi. Justeru, dapat disimpulkan bahawa peranan institusi dan pembangunan ekonomi adalah sangat penting dan saling berhubungan dalam melahirkan dasar dan program yang bersesuaian untuk meningkatkan prestasi individu, masyarakat dan pembangunan negara. Lantaran itu, dalam kajian ini, peranan institusi yang berkaitan dengan pembangunan usahawan adalah mempunyai fungsi dan peranan serta objektif yang tersendiri. Bagaimanapun, tujuan dan objektif utama setiap institusi adalah hampir sama iaitu ke arah meningkatkan kemahiran dan kecekapan serta pembangunan usahawan yang berdaya saing dan berjaya. Justeru, peranan sesebuah institusi yang bertanggungjawab ke arah peningkatan prestasi pengusaha orang asli adalah diketengahkan. Di samping itu, dengan peranan institusi ini akan berupaya untuk meningkatkan kecekapan pembangunan ekonomi negara dan masyarakat apabila pengusaha kecil dan sederhana mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, keluarga dan seterusnya masyarakat dapat keluar dari kepompong kemiskinan.

*Top-down* merupakan teori yang melihat kepada corak politik dan pemerintahan yang berbentuk dari atas ke bawah. Setiap maklumat, keputusan serta undang-undang yang dilaksanakan adalah bermula dari pihak atasan. Kerajaan yang baik akan membentuk dasar yang baik dalam meningkatkan kesejahteraan hidup individu di bawahnya (Ling & Shih 1998). Manakala, *bottom up* merupakan pemprosesan maklumat daripada peringkat bawah ke atas. Dalam konteks politik, teori ini menyatakan bahawa kehendak serta keputusan di peringkat bawahan merupakan individu yang lebih mengetahui berkenaan dengan perkara sebenar yang diinginkan. Dalam kajian ini, tindakan kerajaan dilihat dari konteks apa jua tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan kejayaan usahawan orang asli dan apakah program yang diperlukan bagi meningkatkan prestasi mereka sebagai pengusaha. Berkenaan dengan tindakan kerajaan, sarjana menafsirkan tindakan kerajaan tersebut dari beberapa sudut seperti dasar kerajaan (Montgomery 1988; Evans 1996; Dye 1978; Persson & Sjöstedt 2012) serta peranan dan perlaksanaan sesebuah institusi kerajaan (Peter 2011; Evans 1996; Chang 2010; Rothstein & Teorell 2008). Dari sudut dasar kerajaan, definisi yang popular dan seringkali digunakan ialah

daripada Dye (1998) yang menyatakan dasar merupakan pilihan kerajaan samada untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu tindakan. Namun menurut Penning, Parker & Harding (1986), Evans (1996) serta Rothstein & Teorell (2008), mereka menyatakan dasar atau strategi daripada kerajaan tidak akan berjaya tanpa adanya institusi yang memainkan peranan utama bagi menjayakan sesebuah dasar. Selain daripada peranan institusi, Persson & Sjöstedt (2012) menyatakan setiap dasar serta institusi kerajaan hanya akan dapat dilaksanakan sekiranya terdapatnya kesungguhan politik daripada pihak kerajaan. Kenyataan pengkaji-pengkaji ini seiring dengan pandangan Ahmad Atory (1996) berkenaan dasar yang mana beliau mendefinisikan dasar sebagai suatu tindakan yang dilaksanakan oleh kerajaan dengan kerjasama institusi bagi memenuhi kehendak rakyat dengan memperkenalkan program atau projek yang dirancang yang mempunyai tujuan dan matlamat tertentu. Berdasarkan kepada definisi tindakan kerajaan tersebut, dapat disimpulkan bahawa tindakan kerajaan merupakan suatu dasar kerajaan dan dilaksanakan oleh institusi kerajaan bagi menjayakan sesuatu tindakan.

Oleh yang demikian, dalam kajian ini istilah dasar daripada Ahmad Atory (1996) digunakan yang mana beliau mendefinisikan dasar sebagai sesebuah program atau projek yang dirancang oleh kerajaan yang mempunyai tujuan dan matlamat tertentu. Pihak kerajaan bertanggungjawab bagi memastikan masyarakat berada dalam keadaan kehidupan yang baik dan stabil dengan kerjasama dan peranan institusi. Ia bertujuan untuk mewujudkan sebuah negara yang harmoni, aman dan stabil supaya semua rakyat dapat menikmati faedah dan layanan yang saksama daripada pihak kerajaan. Begitu juga dengan pengusaha orang asli yang tidak boleh dipinggirkan malah perlu diberi perhatian dan keutamaan bagi mengurangkan jurang ekonomi dengan pengusaha yang lain. Oleh yang demikian, peranan yang perlu diberi keutamaan dalam mempengaruhi kejayaan pengusaha orang asli adalah seperti membina premis perniagaan atau ruang niaga kepada mereka, menyediakan tempat yang bersesuaian untuk berniaga, memberi bantuan dan bimbingan berkaitan keusahawanan, menyediakan kursus dan latihan keusahawanan, mengadakan promosi dan pembangunan koperasi disediakan oleh pihak institusi kepada mereka. Program-program ini merupakan program dan penentu kepada kejayaan usahawan orang asli dalam aktiviti keusahawanan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang mana temubual dilaksanakan terhadap sepuluh orang informan utama yang terdiri daripada pegawai-pegawai JAKOA dan informan yang terdiri daripada pengusaha orang asli itu sendiri. Bagi melaksanakan kaedah kualitatif ini, dua sumber utama digunakan iaitu melalui sumber daripada data sekunder dan juga data primer. Bagi pengumpulan data secara kualitatif untuk mendapatkan bahan dari data sekunder, kaedah kajian secara kepustakaan (*library research*) dilakukan. Sumber utama daripada artikel jurnal, tesis, dokumen rasmi kerajaan, laporan ekonomi dan tahunan, laporan akhbar utama dan kajian di laman sesawang dilaksanakan. Seterusnya sumber data kualitatif juga diperoleh melalui kaedah dapatan data primer melalui kaedah temu bual bersemuka terhadap sepuluh orang informan utama yang dilihat sesuai untuk mendapat maklumat kajian. Menurut Fraenkel & Wallen (2007), pemilihan sampel secara bertujuan adalah sesuai dengan kajian kualitatif. Creswell (2005) menyatakan bilangan antara empat hingga sepuluh subjek adalah bersesuaian dijadikan sampel untuk kajian kualitatif. Oleh yang demikian, pemilihan sepuluh subjek daripada pelbagai latar belakang untuk di temubual adalah bertepatan setelah mengambil kira pandangan Creswell (2005) dan Fraenkel & Wallen (2007).

Soalan-soalan yang diajukan di dalam sesi temu bual adalah berbentuk semi-struktur dan proses pemilihan informan melalui persampelan bertujuan haruslah bertepatan dengan kriteria informan yang dipilih iaitu mempunyai pengetahuan dan pengalaman, proses serta selok-belok perkara yang dikaji. Kesilapan dalam penentuan informan boleh menyebabkan hasil dapatan data tidak tepat serta tidak mampu untuk menjawab persoalan kajian dengan lebih mendalam dan terperinci. Analisis dapatan data kualitatif dalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan.

## **PERBINCANGAN HASIL KAJIAN**

Program pembangunan usahawan kepada masyarakat orang asli sentiasa diberi perhatian dan merupakan keutamaan oleh pihak JAKOA. Ia merupakan program yang penting dalam usaha institusi untuk mewujudkan golongan usahawan orang asli yang berdaya maju, berdaya saing serta berdaya tahan dengan mempunyai modal insan yang tinggi. Oleh yang demikian, program-program telah disediakan dan dirangka kepada usahawan orang asli yang bersifat jangka pendek dan jangka panjang dilaksanakan oleh JAKOA secara berterusan. Antara program-program yang telah dilaksanakan antaranya adalah menyediakan premis perniagaan dan ruang niaga dengan menyediakan peruntukan bagi membina premis perniagaan dan ruang niaga kepada masyarakat orang asli yang menceburi bidang perniagaan.

“...Kami di Jabatan menyediakan pelbagai program untuk pembangunan usahawan Orang Asli. Ini bagi memastikan mereka juga boleh berdaya saing dan berjaya seperti usahawan-usahawan Bumiputera yang lain. Modal, peralatan dan fasiliti kami sediakan bagi pengusaha yang berdaftar dan pastikan program yang kami sediakan diikuti oleh pengusaha, bagaimanapun ada yang tak hadir pun, itu adalah biasa...” (2020: temubual).

Pemberian bantuan pembinaan premis perniagaan dan ruang niaga ini adalah melihat kepada permohonan dan permintaan daripada usahawan orang asli tersebut mengikut jenis perusahaan yang diusahakan antaranya pusat menjual dan membuat kraftangan, bengkel membaiki motosikal dan kereta, kedai runcit, kedai makanan yang dilengkapi dengan fasiliti dan infrastruktur yang lengkap serta bengkel menjahit pakaian (temubual bersama pegawai JAKOA dan pengusaha orang asli, 2020; Informan 1, 5, 7 & 10, 2020).

“...bantuan seperti kedai tempat untuk kita berniaga sangat kami perlukan. Tempat mestilah baik dan lengkap dengan alat-alat berniaga ikut jenis kita berniaga apa... kami dapat tempat dan kami boleh berniaga barang kami...” (2020: temubual).

Selain itu, bantuan daripada institusi juga dititikberatkan oleh JAKOA dengan memberi bantuan dari sudut bimbingan terhadap usahawan orang asli. Bimbingan diberikan kepada usahawan yang baharu untuk memulakan perusahaan, pengusaha yang telah menjalankan perusahaan dan juga kepada usahawan yang telah lama menjalankan perniagaan. Bantuan dan bimbingan kepada usahawan orang asli ini adalah bagi tujuan mempercepatkan dan memudahkan urusan perniagaan, mendapatkan bahan jualan, meningkatkan kemajuan usahawan orang asli dan bantuan diberikan dalam bentuk peralatan dan fasiliti yang lengkap, bantuan mesin dan sebagainya

yang diperlukan oleh pengusaha orang asli. Bantuan ini diberikan oleh pihak JAKOA dengan memberi bantuan berbentuk peralatan perniagaan dalam pelbagai jenis bidang perniagaan yang diterokai oleh masyarakat orang asli seperti menyediakan premis perniagaan, peralatan perniagaan kedai runcit, kedai makan, kedai jahit, bengkal kenderaan, kafe siber, kedai kraftangan dan sebagainya (Informan 3, 2020).

“...kami menyediakan program seperti bertemu dengan usahawan Orang Asli bagi mengetahui tahap kemajuan perniagaan mereka, permasalahan yang mereka hadapi dan seterusnya kami berusaha untuk menyediakan bantuan untuk disalurkan kepada usahawan Orang Asli di kawasan yang terlibat...” (2020: temubual).

Pihak institusi JAKOA juga turut mengadakan kursus dan memberikan latihan berasaskan keusahawanan kepada pengusaha orang asli. Kursus-kursus ini dijalankan secara berperingkat kepada pengusaha dalam bentuk seminar dan kursus keusahawanan kepada para usahawan dan para belia orang asli sebagai langkah dan usaha untuk meningkatkan ilmu perniagaan dan menambahkan pengetahuan ke arah meningkatkan kemahiran dan kebolehan masyarakat orang asli dalam bidang keusahawanan. Seminar, Kursus-kursus dan pelaksanaan program, latihan kemahiran secara amali dan praktikal dilaksanakan dengan bantuan dan kerjasama pelbagai agensi dan institusi lain seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Pusat Giatmara, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Maktab Koperasi Malaysia dan Kolej Komuniti serta mana-mana universiti yang menjalankan aktiviti kemasyarakatan. Terdapat pengusaha orang asli yang menyatakan bahawa dengan pendedahan seperti kursus dan seminar ini memudahkan mereka untuk lebih memahami berkaitan peluang-peluang perniagaan dan bagaimana untuk mendapatkan bantuan serta mengembangkan perusahaan yang diusahakan oleh masyarakat orang asli selain mendapat ilmu berkaitan rekod kewangan dan simpanan, pengurusan kewangan dan modal serta mengetahui jenis-jenis bantuan yang boleh dimohon daripada agensi-agensi kewangan lain untuk memulakan perniagaan dan mengembangkan perusahaan mereka (pengusaha orang asli, 2020; Informan 6 & 9, 2020).

“...program yang disediakan kadang-kadang kami ikut jika ada masa lapang. Bagus sebenarnya dan kami tahu bagaimana cara untuk kembangkan apa yang dijual, diusahakan. Apa yang kami usahakan adakalanya boleh dijual ke luar dan bantu kewangan keluarga. Cara untuk pasarkan barangan kami sangat perlukan...” (2020: temubual).

Usaha untuk mengembangkan dan memperkenalkan perusahaan yang dijalankan oleh pengusaha orang asli adalah memerlukan promosi dan kemahiran pemasaran yang baik. Oleh yang demikian, pihak institusi turut menyediakan bantuan promosi dan pemasaran bagi tujuan untuk memperkenalkan pengusaha dan produk yang diusahakan oleh usahawan orang asli kepada masyarakat luar. Antara produk yang dipromosikan oleh institusi JAKOA adalah kraftangan berasaskan kayu dan rotan, madu lebah asli, perabot, pertanian dan sebagainya. Antara promosi dalam negara yang melibatkan usahawan orang asli adalah melalui penyertaan dalam karnival, expo, pameran anjuran Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, JAKOA, Satu Daerah Satu Industri (SDSI) dan kerjasama institusi atau agensi kerajaan yang lain seperti Kraftangan Malaysia, Kementerian Pelancongan, Kementerian Belia dan Sukan dan Suruhanjaya Koperasi

Malaysia. Manakala, bagi promosi barangan produk usahawan orang asli ke luar negara adalah program oleh institusi JAKOA melalui program yang dianjurkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah seperti produk Malaysia Best yang mana hasil terbaik pengusaha orang asli akan di bawa ke luar negara untuk pameran, jualan dan sebagainya. Institusi terlibat akan menghantar pengusaha orang asli berjaya menyertai pelbagai pameran, jualan serta menyertai pelbagai program promosi hasil buatan usahawan ke luar negara antaranya adalah Thailand, Indonesia, Vietnam dan negara-negara yang lain. Melalui program ini akan meningkatkan lagi usaha kerjasama antara pengusaha dan pengusaha luar negara dan akan memperkenalkan produk buatan Malaysia ke luar negara secara tidak langsung (Informan 2, 2020).

Selain itu, pembangunan koperasi khas untuk Orang Asli diperkenalkan bagi menyediakan geran kepada Koperasi Orang Asli yang memanfaatkan komuniti tersebut. Pemberian bantuan geran ini tertakluk kepada kriteria dan garis panduan yang ditetapkan di bawah institusi JAKOA yang bertujuan untuk memastikan pengusaha Orang Asli lebih terlibat dalam aktiviti ekonomi dan mampu melonjakkan pengusaha ke tahap yang lebih baik (Informan 3, 2020). Bantuan geran koperasi ini diberikan bagi tujuan melaksanakan projek projek seperti membina bangunan atau premis perniagaan, membeli peralatan, mesin dan fasiliti, melaksanakan projek atau pogram ekonomi serta bagi program pembangunan modal insan seperti meningkatkan pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Dengan penyediaan Koperasi Orang Asli ini dapat meningkatkan lagi penglibatan usahawan untuk memulakan perniagaan, mengembangkan perniagaan dan seterusnya dapat membeli keperluan peralatan dan fasiliti yang diperlukan (Informan 8, 2020).

“...koperasi sangat membantu sebab kami boleh dapat modal untuk mula berniaga. Kadang kami dapat untuk besarkan perniagaan. Tapi sangat membantu pengusaha seperti kami walaupun sekali saja diberikan...” (2020: temubual).

Kesinambungan daripada hasil dapatan kajian secara kualitatif ini, dapat disimpulkan peranan kerajaan dan institusi terlibat sangat signifikan dalam memberi bantuan kepada pengusaha Orang Asli. Keadaan ini menunjukkan peranan kerajaan dan institusi adalah penting untuk disalurkan kepada pengusaha yang memerlukan. Program yang diberikan adalah bertepatan dengan apa yang diinginkan dan keadaan ini menunjukkan keberkesanan dasar yang telah dirangka oleh kerajaan dengan menyediakan pelbagai program yang tepat dan ini mengurangkan masalah ketidakberkesanan program sekiranya tidak mengetahui apakah yang diperlukan dan diinginkan oleh rakyat.

## **KESIMPULAN**

Kejayaan pengusaha orang asli adalah sesuatu yang signifikan dengan bantuan dan kerjasama pihak institusi terlibat dan usaha pihak kerajaan melalui program-program yang dilaksanakan. Justeru, peranan JAKOA dalam melaksanakan program-program yang signifikan dapat meningkatkan penglibatan dan kejayaan pengusaha orang asli. Senario ekonomi masa kini memerlukan usahawan yang bukan sahaja mempunyai pengetahuan yang baik, tetapi juga daya saing yang tinggi. Oleh yang demikian, sokongan institusi diperlukan sebagai pemangkin ke arah kejayaan pengusaha. Institusi juga berperanan penting dalam usaha meningkatkan prestasi usahawan. Institusi bertindak sebagai penghubung antara pihak kerajaan dan pengusaha yang mana segala bentuk saluran bantuan dan sokongan serta program disalurkan melalui institusi bagi

memastikan keperluan dan kehendak pengusaha terlaksana. Di samping itu, konsep *top-down* dan *bottom-up* penting yang mana *bottom-up* merupakan kehendak dan keperluan pengusaha manakala, *top-down* pula merupakan apa-apa dasar atau program yang diberikan kepada pengusaha berdasarkan keperluan dan kehendak mereka.

Kesinambungan daripada permasalahan yang timbul dalam kalangan pengusaha di peringkat bawah dibawa ke peringkat atas bagi memastikan permasalahan tersebut dapat dibincangkan dan mencari jalan kepada penyelesaian. Justeru, peranan kerajaan dan institusi sangat signifikan dalam membantu peningkatan prestasi pengusaha orang asli. Peranan JAKOA adalah relevan dari dahulu sehingga kini yang bertanggungjawab untuk pembangunan usahawan orang asli. Oleh yang demikian, teori institusi oleh Chang (2012) adalah signifikan yang mana institusi berperanan dalam memastikan peningkatan prestasi dan kejayaan pengusaha. Institusi berperanan sebagai saluran kepada pembangunan ekonomi di mana dengan adanya institusi, ia mampu menyumbang kepada peningkatan prestasi untuk menjadi lebih baik. Selain itu, keuntungan dapat ditingkatkan dengan peranan yang dimainkan oleh institusi berkenaan. Penubuhan sesebuah institusi juga mempunyai objektif yang telah ditetapkan dalam membantu pembangunan ekonomi dan semakin baik sesebuah institusi itu dalam menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan, maka pembangunan ekonomi akan menjadi lebih baik dan masyarakat akan menjadi lebih berdaya saing dan berjaya.

## RUJUKAN

- Ahmad Atory Hussin. 1996. *Politik dan Dasar Awam Malaysia*. Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Chang, H.-J. 2001. Intellectual Property Rights and Economic Development – Historical Lessons and Emerging Issues. *Journal of Human Development*, 2(2): 287–309.
- Chang, H.-J. 2005. ‘Understanding the Relationship between Institutions and Economic Development – Some Key Theoretical Issues’, in H.-J. Chang (ed.), *Institutional Change and Economic Development*, Tokyo: United Nations University Press, and London: Anthem Press, pp. 17–33.
- Cresswell, J. W. 2012. *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (Fourth Ed). New York: Pearson.
- Dye, Thomas R. 1978. *Understanding Public Policy*. New Jersey: Prentice Hall.
- Dyker, L.S. & Fisher, E.M. 1992. An Inter-industry Examination of Impact of Owner Experience on Firm Performance. *Journal of Small Business Management*, 30(4), 72.
- Fraenkel, J. R., & Wallen, N. E. 2009. *How to Design and Evaluate Research in Education. How to design and evaluate research in education* (Seventh Ed, pp. 241–258). McGraw Hill.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. 2019.
- Montgomery, John D. 1988. *Bureaucrats and People: Grassroots Participation in Third World Development*; Baltimore: The John Hopkins University Press.
- Peters, B. G. 2011. *Institutional Theory in Political Science: The New Institutionalism* (Second Ed). New York: Bloomsbury Publishing.
- Temubual bersama sepuluh orang informan yang terdiri daripada 4 orang pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan 6 orang pengusaha Orang Asli Melaka & Negeri Sembilan. 2020.